



Industri koperasi mampu jana RM40b

■ Angkasa optimis sasaran dicapai menjelang akhir tahun ini

Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), menjangkakan industri koperasi tempatan mampu menjana pendapatan melebihi RM40 bilion menjelang akhir tahun ini berbanding RM39 bilion yang dicatatkan tahun lalu.

Prestasi itu dilihat sebagai perkembangan baik untuk Angkasa mencapai sasaran pendapatan sebanyak RM50 bilion dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, jangkaan itu berdasarkan pendapatan sebanyak RM24 bilion yang dicatatkan industri itu pada separuh pertama tahun ini dan jumlah terbabit dijangka terus meningkat berikutnya persekitaran ekonomi lebih baik

pada tahun ini.

"Saya lihat jumlah itu boleh dicapai melalui pertambahan jumlah koperasi, pernodaan dalam sektor perniagaan baru dan peningkatan pulangan dalam kalangan koperasi yang didorong melalui pembabitan dalam sektor perniagaan berimpak tinggi," katanya pada sidang media Angkasa di sini.

Sehingga 2016, Angkasa menaungi 13,428 koperasi di seluruh negara dengan keanggotaan individu seramai lapan juta orang, jumlah model syer atau yuran anggota sebanyak RM13.9 bilion dan jumlah aset RM130 bilion.

Beliau berkata, prestasi positif yang dicatatkan industri koperasi sehingga kini banyak dipacu melalui pernodaan dalam sektor perumahan dan harta tanah yang dilihat semakin mendapat perhatian dalam kalangan koperasi tempatan.

Menurutnya, situasi itu



ABDUL Fattah

menyaksikan sektor pembiayaan kewangan peribadi yang lazimnya menjadi pemacu utama kepada pendapatan industri kini dilihat mendatar berikutnya pelbagai faktor termasuk sesetengah peminjam yang sudah mencapai tahap maksimum dalam melakukan pinjaman.

"Sektor perladangan juga menjadi penyumbang utama kepada industri koperasi

tempatan berikutnya peningkatan harga sawit diikuti sektor peruncitan yang kini dilihat sebagai platform terbaik untuk meningkatkan akses dan jualan barang keperluan harian kepada pengguna," katanya.

Dalam perkembangan lain, Angkasa bersedia untuk mengendalikan Kedai Rakyat IMalaysia (KRIM) 2.0 jika diberi peluang oleh kerajaan kerana kebanyakan koperasi sudah menjalankan perniagaan peruncitan.

Abdul Fattah berkata, pihaknya menyokong cadangan pelaksanaan KRIM 2.0 itu kerana ia menawarkan ruang pasaran lebih luas dan mudah diakses berbanding pelaksanaan KRIM pertama sebelum ini.

Menurutnya, sebelum ini, KRIM berdepan dengan isu seperti tawaran barang yang terhad dan lokasi yang sukar diakses orang ramai sehingga menyebabkan kedai terbabit kurang berdaya saing di pasaran runcit tempatan.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia